

## **Semangat skواد Limbang membuak-buak**

**KUCHING:** Kemenangan besar 7-0 ke atas Sibu pada perlawanan terakhir dalam Kumpulan A jelas menjadi petanda betapa Limbang bersedia melakukan apa saja untuk menjuarai Kejohanan Bola Sepak Piala Isuzu Bawah 19 Tahun.

Skwad dari utara negeri yang pada mulanya dilabel 'underdog' itu perlu menangani jiran mereka, Miri pada saingan separuh akhir hari ini untuk merealisasikan impian ke final.

Penolong jurulatih Hanapiah Majini yang masih terkejut dengan persembahan cemerlang anak-anak buahnya itu berkata semangat para pemain kian membuak-buak susulan kemenangan pada tiga perlawanan sebelum ini.

Namun, beliau masih enggan mendabik dada dan mahu pemain tidak terlalu dibuai mimpi menjelang pertemuan penting hari ini.

"Saya menjangkakan pertemuan sengit hari ini kerana Miri adalah sebuah pasukan yang mantap dan dibarisi beberapa pemain SUKMA yang mempunyai permainan cukup berkualiti," katanya semalam.

"Malah, saya percaya pengendali mereka pastinya merangka strategi istimewa untuk merencanakan impian kita ke final."

Justeru, Hanapiah mahu pemain mengekalkan momentum dan fokus terutama dalam memburu gol awal.

Selain itu, beliau juga menyeru pemain agar tidak mensia-siakan peluang yang terhidang.

"Pemain cukup bersedia dan tidak sabar turun beraksi. Kesebelasan utama juga bebas dari kecederaan dan ini memberi kita tonik untuk memburu kemenangan," tambah beliau.

Perlawanan Limbang-Miri akan berlangsung di Padang UNIMAS 1 pada jam 3 petang hari ini.

Satu lagi saingan separuh yang dijangka menjanjikan pertembungan menarik melibatkan Kuching dan Young Crocs/SFDP 17 akan berlangsung pada jam sama bertempat di Padang UNIMAS 3.

Saingan tempat ke-3 dan ke-4 akan berlangsung pada 21 Disember bertempat di Stadium Mini Samarahan pada jam 3 petang.

Manakala final akan diadakan di Stadium Unimas pada hari sama jam 8.15 malam.